

Ruj. Kami: PWN(M) 010/6/2 Jld. X ()

Tarikh : 30 Januari, 2015

Semua Ketua Jabatan Negeri Melaka,
Semua Ketua Agensi Badan Berkanun,
Semua Anak Syarikat Kerajaan Negeri,

YB Datuk / YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI BIL 2. TAHUN 2015 - GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA
BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan perutusan khas YAB Perdana Menteri berkaitan perkembangan Ekonomi Semasa dan Kedudukan Kewangan Negara pada 20 Januari, 2015. Kerajaan Negeri telah bersetuju mengambil beberapa langkah bagi mengawal perbelanjaan awam dan mengamalkan perbelanjaan berhemat.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Pekeliling Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengawal Perbelanjaan Awam Yang Melibatkan Semua Jabatan Negeri / Badan-Badan Berkanun Dan Agensi-Agensi Kerajaan untuk perhatian dan tindakan lanjut pihak YB Datuk / YBhg. Datuk / Tuan / Puan.

4. Surat Pekeliling ini juga boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri www.jkpnm.melaka.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK MOHD ZIN BIN MANSOR)
Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

s.k : Bendahari Negeri
MELAKA



**SURAT PEKELILING
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
BIL. 2 TAHUN 2015**

Semua Pegawai Pengawal,

**GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL
PERBELANJAAN AWAM YANG MELIBATKAN SEMUA JABATAN NEGERI /
BADAN-BADAN BERKANUN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

1. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan langkah-langkah penjimatan menerusi penstrukturan semula Bajet 2015 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Januari, 2015 baru-baru ini.
2. Selaras dengan pengumuman tersebut, Kerajaan Negeri turut mengambil keputusan untuk melaksanakan beberapa langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam dalam usaha mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2015.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN

3. Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah meneliti semula pelaksanaan langkah penjimatan berkenaan dan mengesyorkan langkah-langkah penjimatan seperti berikut:-

3.1 Makanan dan dan Minuman

Jabatan Negeri / Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan hendaklah mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan / seminar / pameran / mesyuarat / kursus / bengkel / majlis rasmi Kerajaan dan sebagainya. Adalah disyorkan tempahan makanan dan minuman berdasarkan kadar bayaran seperti berikut :

Bil	Waktu Tempahan	Asal (RM) / seorang	Disyorkan Pengurangan (RM) / seorang
1.	Sarapan Pagi	6.00	4.00
2.	Makan Tengahari	10.00	8.00
3.	Minum Petang	5.00	4.00

3.2 Pengubahsuaian Ruang Pejabat

Semua permohonan baharu bagi pengubahsuaian ruang pejabat yang tidak mendesak hendaklah ditangguhkan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada YB Pegawai Kewangan Negeri.

3.3 Pembelian Aset

Sebarang perbelanjaan bagi pembelian aset termasuk pembelian kereta, perabot, komputer dan lain-lain kelengkapan pejabat yang belum komited hendaklah ditangguhkan kecuali yang melibatkan perbelanjaan untuk penguatkuasaan dan kutipan hasil. Sementara itu, pembelian bagi bahan-bahan kecil keperluan pejabat termasuk bahan percetakan dan alat tulis hendaklah dikurangkan.

3.4 Penganjuran Persidangan / Seminar / Bengkel / Kursus

Semua penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ bengkel/ kursus yang diadakan hendaklah dilaksanakan dalam negeri Melaka dan mengoptimumkan penggunaan kemudahan di institusi latihan milik Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan / Negeri.

3.5 Kos Utiliti Elektrik

Usaha pengurangan penggunaan utiliti elektrik hendaklah dilaksanakan melalui penguatkuasaan peraturan dalaman di semua Jabatan Negeri / Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan. Sebagai contoh menutup lampu pejabat pada waktu rehat dan menutup lampu bilik jika tidak digunakan.

3.6 Penganjuran Majlis-majlis Kerajaan Negeri

Semua penganjuran program Kerajaan Negeri / Agensi-agensi yang dirancang hendaklah diadakan secara sederhana dengan mengamalkan perbelanjaan secara berhemat.

3.7 Pengambilan Kakitangan Kontrak

Semua pengambilan kakitangan kontrak baru dibekukan kecuali yang melibatkan jawatan penguatkuasaan untuk tujuan kutipan hasil.

PEMAKAIAN

4. Semua Jabatan Negeri / Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan diminta untuk mengandakan usaha bagi mencari hasil-hasil baru dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu. Perbelanjaan yang dilaksanakan hendaklah secara berhemat dan mengikut kemampuan agensi untuk menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi.

5. Langkah-langkah penjimatan ini hendaklah dipatuhi oleh semua Jabatan Negeri / Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan. Sebarang pengecualian perlu mendapat kebenaran bertulis daripada YB Pegawai Kewangan Negeri.

6. Langkah-langkah penjimatan ini akan dikaji semula pada pertengahan tahun 2015 berdasarkan kutipan hasil yang telah diprolehi dan juga keupayaan Kerajaan Negeri untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi sehingga akhir tahun.

KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai pada 2 Februari, 2015.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”

“BERKAT, TEPAT, CEPAT”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK MOHD ZIN BIN MANSOR)
Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA